

01 DEC 1999

KEMENANGAN DI ARAU HADIAH KEPADA PM, KATA MASTIKA

KANGAR, 1 Dis (Bernama) -- Ketua Pergerakan Wanita UMNO Perlis, Mastika Junaidah Husin berkata kemenangannya bagi kerusi Parlimen Arau pada pilihan raya umum Isnin lepas merupakan hadiah kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau gembira kerana dapat merampas kembali kerusi yang sebelum ini jatuh ke tangan PAS pada pilihan raya kecil Julai tahun lepas.

"Kemenangan ini hadiah kepada Dr Mahathir. Juga hadiah saya kepada Menteri Besar (Datuk Seri Shahidan Kassim) dan semestinya juga untuk BN" katanya pada persidangan berita di sini hari ini.

Menurutnya, beliau menerima tugas berat untuk merampas kembali kerusi itu dan keyakinan rakyat kepada BN membolehkannya mencapai cita-cita itu.

Katanya, walaupun sebelumnya banyak pihak meragui keupayaannya untuk merampas kembali kawasan Parlimen Arau kepada BN tetapi ia bukan mustahil untuk dilakukan.

"Wanita tidak harus dilihat sebagai kurang upaya untuk melakukannya," kata Mastika Junaidah yang merupakan calon BN yang pertama bagi kerusi Parlimen di negeri ini.

Pada pilihan raya umum itu beliau menumpaskan Dr Abdul Aziz Hanafi daripada PAS dengan majoriti 1,586 undi.

-- BERNAMA

AD NMO